



60

MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 13/2015

Rujukan : Bil (60) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

5 Ogos 2015

**Setiausaha Bandaraya
Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh**

Tuan / Puan,

**KONTRAK SECARA BERPUSAT DAN YANG DIKECUALIKAN DI MAJLIS
BANDARAYA IPOH**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Yg. Bhg. Dato' / tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, pihak Jabatan Perbendaharaan telah membuat kajian dan analisa terhadap data dan maklumat yang diperolehi dari jabatan-jabatan yang terlibat bagi melaksanakan kontrak secara berpusat. Namun hasil dari kajian tersebut, pihak jabatan mendapati hanya 4 perolehan sahaja yang bersesuaian untuk dipusatkan dan disatukan dalam satu Bill Of Quantity (BQ) iaitu :-

BIL	KOD	PERKARA PEROLEHAN	BAJET TAHUN 2015 (RM)
1.	268020	Racun Serangga	63,160.00
2.	267990	Bahan Kimia	362,188.00
3.	267040	Bahan Pencuci	74,610.00
4.	272990 & 291990	Bendera	43,600.00

ARAHAN KEWANGAN BIL. 13/2015

KONTRAK SECARA BERPUSAT DAN YANG DIKECUALIKAN DI MAJLIS BANDARAYA IPOH

4. Sementara itu, terdapat 6 perolehan yang tidak dapat diteruskan dengan kaedah berpusat. Hal ini kerana terdapat terlalu banyak item-item yang berbeza dari segi spesifikasi dan tidak bersesuaian sekiranya spesifikasi tersebut hendak digabungkan. Selain itu, spesifikasi yang ditetapkan oleh jabatan masing-masing masih diperlukan. Sehubungan dengan itu, terdapat juga perolehan yang terikat dengan perjanjian bagi tempoh tertentu seperti penyewaan mesin fotostat. 6 perolehan yang dikecualikan dari kontrak secara berpusat adalah seperti berikut :-

BIL	KOD	PERKARA PEROLEHAN	BAJET TAHUN 2015 (RM)
1.	292020	Kepala Surat DB, Borang Hasil Terkawal, Sampul Surat, Fail Jabatan, Pvc Fail, Sampul Kecil	1,375,581.00
2.	291990	Banner, Banting	39,140.00
3.	272980	Kelengkapan Keselamatan, Plastik Sampah, Sarung Tangan, Kasut But	582,963.00
4.	245010	Sewa Mesin Fotostat	335,996.00
5.	292010 & 292020	Risalah	138,400.00
6.	267010	Bahan Pengecat	121,451.00

5. Oleh itu, bagi 6 perolehan tersebut hendaklah diteruskan dengan cara perolehan sebelum ini iaitu perolehan dibuat secara berasingan mengikut keperluan jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perbendaharaan akan meneruskan lagi kajian dan analisa kerana mungkin dengan usaha yang berterusan ini, akan ada perolehan lain yang berjaya dipusatkan pada masa akan datang.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 13/2015


**KONTRAK SECARA BERPUSAT DAN YANG DIKECUALIKAN DI MAJLIS
BANDARAYA IPOH**

6. Oleh yang demikian, kerjasama dan tindakan semua jabatan/bahagian/unit bagi perkara ini adalah amat dihargai. Arahan Kewangan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI"

Saya yang menurut perintah,



(DATO ZAU RI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh